

Syarat dan Keperluan Untuk Pembida

1. Syarikat yang berminat menyertai pelawaan permintaan untuk cadangan (*RFP*) hendaklah mengemukakan salinan sijil yang berdaftar dan masih aktif seperti yang berikut :
 - a) Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - b) Berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST) Malaysia
 - c) Berdaftar dengan SEDA Malaysia sebagai “*Registered Solar PV Investor*” (*RPVI*)
2. Dokumen cadangan *RFP* yang lengkap perlu mengandungi perkara-perkara berikut:
 - i. Profil Syarikat; – Pengalaman, kestabilan teknikal dan kewangan, projek solar yang lalu.
 - ii. Dokumen Pendaftaran & Pemilikan Lesen – Sijil SSM, SEDA, ST
 - iii. Kekuatan Kewangan Syarikat - penyata bank 3 bulan terkini (yang disahkanoleh pihak Bank), 3 tahun terkini audit kewangan.
 - iv. Kertas Cadangan *RFP* (Teknikal); Reka bentuk sistem, kapasiti, spesifikasi teknikal.
 - v. Kertas Cadangan *RFP* (Komersial) yang mempunyai jadual harga tawaran dan jadual pengiraan terperinci; Kadar PPA, tempoh kontrak, jangkaan ROI.
 - vi. **Garis Masa Projek** – Jadual pemasangan, pencapaian utama.
 - vii. **Pelan Operasi & Penyelenggaraan (O&M)**
 - viii. **Cadangan Faedah Tambahan** – Perkhidmatan tambahan kepada universiti.
 - ix. Lain-lain maklumat tambahan yang dapat memberikan kelebihan kepada cadangan tawaran yang dikemukakan.
3. Penyedia **Perkhidmatan Tenaga Solar (SSP)** yang dipilih mesti:
 - Mematuhi **Akta Bekalan Elektrik 1990** dan **Peraturan Elektrik 1994**.
 - Mendapat kelulusan daripada **Suruhanjaya Tenaga** dan **Syarikat Utiliti Elektrik**.
 - Mematuhi **standard keselamatan dan kelestarian alam sekitar**.
 - Mematuhi **pelaksanaan caj tunggu sedia (standby charge)** terhadap pengguna bukan domestik yang mempunyai pepasangan solar fotovoltaik.
4. Taklimat dan lawatan tapak akan diadakan pada **10 April 2025 (Khamis)** jam **10.00 pagi** di **Bilik Mesyuarat Utama Aras 3, Bangunan Canselor Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak**. Kehadiran daripada syarikat adalah **DIWAJIBKAN** pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan.
5. Jualan dokumen akan dibuka mulai pada **13 April 2025 (Ahad)** dalam bentuk softcopy dan borang tender akan dijemelkan kepada Petender.

6. Dokumen *RFP* boleh dibeli dengan harga **RM500.00** (tidak akan dikembalikan)
7. Syarikat yang berminat hendaklah menyediakan dokumen cadangan dalam bentuk bertaip dan jelas dibaca untuk digunakan bagi tujuan penilaian. Lampiran berbentuk gambar, rajah dan lain-lain yang difikirkan bersesuaian juga di alu- alukan. Dokumen cadangan perlulah diselaraskan bagi memudahkan penilaian oleh Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif (JPE) universiti.
8. Syarikat yang mengambil bahagian dalam sebut harga diwajibkan mengemukakan wang tahanan sebanyak 5% daripada harga keseluruhan projek dalam bentuk bank draf. Wang tahanan ini akan dikembalikan selepas kerja-kerja diselesaikan mengikut syarat yang ditetapkan. Namun, sekiranya syarikat yang berjaya dalam sebut harga enggan atau gagal melaksanakan kerja selepas tawaran dibuat, wang tahanan tersebut akan terbatal dan tidak akan dikembalikan.